

12/12/1998

Pelajar kecewa program ASMC ditamatkan

Mohd Fuad Razali

HASRAT 103 pelajar yang mengikuti program perubatan Asean Sheffield Medical College (ASMC) untuk menjadi doktor mungkin tidak kesampaian kerana program itu dikatakan sudah ditamatkan sebelum mereka dapat menamatkan pengajian masing-masing.

Wakil pelajar ASMC, Chan Weng Kai, Oktober lalu mereka dimaklumkan bahawa program itu sudah dihentikan kerana rakan niaga Universiti Sheffield dalam projek itu, Suci Teguh Sdn Bhd, tidak akan meneruskan pelaburan wang dalam program ASMC.

Berikutan itu, katanya, program ASMC tergendala dan pelajar diberitahu bahawa selepas menamatkan pengajian Tahap 2 di Universiti Sheffield, UK, mereka tidak mempunyai tempat untuk meneruskan pembelajaran klinikal.

"Kami tidak boleh meneruskan pelajaran di Universiti Sheffield kerana universiti itu tidak mempunyai tempat dan kemudahan untuk semua pelajar ASMC.

"Sekarang kami seperti diabaikan dan dikecewakan oleh syarikat di negara sendiri yang terbabit dalam projek usaha sama ini. Kami menyertai program ini dengan penuh harapan dan kepercayaan kepada Suci Teguh Sdn Bhd tetapi sekarang kami seolah-olah dipermainkan," katanya.

Beliau menulis demikian dalam satu surat yang dikirimkan kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Surat itu dikirim dari United Kingdom dan turut mengandungi tandatangan 102 pelajar yang sedang mengikuti program perubatan Tahap 2 di Universiti Sheffield pada sesi 1998/99.

ASMC yang sepatutnya beroperasi di Ipoh diwujudkan hasil kerjasama antara Suci Teguh Sdn Bhd dengan Universiti Sheffield. Suci Teguh Sdn Bhd adalah konsortium yang dianggotai Yayasan Perak, VXL Holdings Sdn Bhd, Gopeng Berhad dan Paramount Corporation Berhad.

Menurut Chan, mereka yang menyertai program ASMC sejak September 1997 sepatutnya memperolehi ijazah perubatan MBChB dari Universiti Sheffield selepas menghabiskan pengajian dua tahun pertama di universiti sebelum melanjutkan pelajaran tiga tahun lagi di Ipoh.

Menurutnya, di kalangan pelajar yang mengikuti program itu ada yang ditaja oleh jabatan kerajaan seperti Mara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Petronas di samping pelajar luar negara seperti Singapura, Kenya, Mauritius dan United Kingdom.

"Ramai pelajar dalam program ini amat berkebolehan dan berpotensi dalam bidang perubatan. Tetapi memandangkan masalah yang kami hadapi dengan program ASMC, impian kami untuk menjadi doktor mungkin tidak dapat dicapai.

"Sekiranya program ASMC tidak dapat diteruskan dan kami tidak dapat meneruskan pelajaran perubatan, kebolehan Malaysia dalam bidang pendidikan universiti pasti akan dipandang rendah dan reputasi syarikat Malaysia pasti terjejas," katanya.

Akhir bulan lalu, akhbar melaporkan Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata Kerajaan Perak tidak akan membatalkan program pengajian perubatan di Asean Sheffield Medical College (ASMC) di Ipoh walaupun program itu kini berdepan dengan beberapa masalah.

Katanya, program itu tetap diteruskan dan usaha mengatasi masalah yang wujud antara Yayasan Perak dan konsortium yang mengendalikan program itu, termasuk University of Sheffield sedang dilakukan.

Menurutnya, program ASMC tidak tergendala dan diteruskan, tetapi Yayasan

Perak dan konsortium terbabit berdepan dengan masalah pensyarah dan banyak masalah lain.

Bagaimanapun, beliau yakin masalah itu masih boleh diselesaikan dan mengarahkan pihak yang terbabit dalam pelaksanaan program ASMC menghantar wakil membuat rundingan lanjut dengan University of Sheffield.

Katanya, jika misi rundingan itu gagal, pihaknya akan berusaha mencari jalan penyelesaian lain.

Projek itu membabitkan pembinaan bangunan ASMC menelan belanja RM48 juta di atas tapak seluas 2.4 hektar bersebelahan Hospital Ipoh. Penuntut kolej itu dikehendaki mengikuti dua tahun kursus praklinikal di Universiti Sheffield dan tiga tahun kursus klinikal di HI.

Perasmian pecah tanah bangunan itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Julai 1996 dan kini sebahagian besar bangunan terbabit siap dibina.

(END)